

03 MAR 1999

DR MAHATHIR SELAMAT PULANG DARI DHAKA

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat pulang ke tanah air hari ini selepas menghadiri sidang kemuncak kedua Kumpulan Lapan Negara Islam Sedang Membangun (D-8) di Bangladesh.

Antara yang hadir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri mendarat di lapangan terbang itu pukul 4 petang.

Sebelum itu, ketika berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Zia, Dhaka, Dr Mahathir diberi ucapan selamat jalan oleh rakan sejawatannya di Bangladesh, Sheikh Hasina.

Deklarasi Dhaka yang dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak itu memberi penekanan kepada antara lain pentingnya kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota.

D-8 mengandungi Bangladesh, Mesir, Indonesiaia, Iran, Malaysia, Pakistan, Nigeria dan Turki.

-- BERNAMA

MAM NMO